

BANK ISLAM AKTIFKAN SOKONGAN KEWANGAN

Program Prihatin menawarkan penangguhan pembayaran sementara kepada pelanggan yang layak

KUALA LUMPUR, Rabu, [15 April 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), telah mengaktifkan Program Prihatin untuk menyediakan bantuan kewangan bersasar kepada pelanggan terjejas akibat ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi yang berterusan.

Langkah ini bertujuan meringankan tekanan kewangan segera, menyokong kesinambungan aliran tunai, serta memperkukuh daya tahan pelanggan dalam tempoh ketidaktentuan yang semakin meningkat ini. Bantuan akan disediakan melalui penyelesaian yang disesuaikan dan berasaskan keperluan bagi pelanggan individu dan perniagaan, dengan mengambil kira keadaan kewangan masing-masing.

Di bawah Program Prihatin ini, pelanggan Pembiayaan Rumah-i, Peribadi-i dan Kenderaan-i yang layak boleh memohon penangguhan pembayaran sementara tertakluk kepada terma dan syarat.

Dalam mendepani ketidaktentuan geopolitik yang semakin meningkat, Bank Islam mengakui bahawa kesannya terhadap individu dan perniagaan adalah berbeza-beza serta akan terus berubah. Bank kekal komited sepenuhnya untuk bekerjasama rapat bersama pelanggan dengan memahami keadaan khusus mereka serta menyediakan bantuan kewangan yang tepat pada masanya dan bersesuaian.

Bagi memastikan pelanggan dapat mengakses sokongan dengan mudah dan tepat pada masanya, bantuan boleh dimohon melalui pelbagai saluran. Antaranya melalui “Bantuan & Sokongan Pembiayaan” di laman web korporat Bank Islam di www.bankislam.com, dengan menghubungi Pengurus Perhubungan masing-masing, mengunjungi cawangan Bank Islam terdekat, atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900 atau melalui e-mel ke customercare@bankislam.com.my.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.